

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN:

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan-kesan dan kerugian kawasan terjejas banjir pada hujung tahun 2014:-

- (a) jumlah bantuan kewangan dan barangan yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir ini dan berikan butiran mengikut Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, NGO, pertubuhan swasta dan syarikat swasta; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah banjir yang sering kali berlaku ini.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara bantuan yang telah dan sedang disampaikan kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana banjir musim tengkujuh lalu adalah seperti berikut:

- a) Bantuan pembaikan rumah kepada mangsa-mangsa yang layak di bawah Program Pembaikan Kerosakan Rumah-Rumah Mangsa Banjir. Sehingga 27 Februari 2015, sebanyak 6,693 buah rumah layak menerima bantuan ini berdasarkan siling pembaikan sehingga RM10,000 setiap seunit rumah. Pembaikan rumah ini akan diselaraskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bersama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board – CIDB*), GiatMara, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di Negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Perak yang menelan belanja sebanyak RM40 juta;

- b) Program pembinaan semula rumah yang diselenggarakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Sebanyak 2,094 keluarga layak menerima bantuan ini susulan kemusnahan rumah (*total loss*) akibat banjir. Seperti mana yang telah diumumkan Kerajaan, 2 model rumah akan didirikan iaitu jenis bertiang atas tanah dengan kos RM40,000 hingga RM48,000 sebuah dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM174 juta; dan

- c) Bantuan wang ihsan RM500 yang diagihkan kepada semua ketua isi rumah yang terlibat dengan banjir di bawah penyelarasan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kerajaan telah memperuntukkan RM97,140,000 untuk agihan kepada 194,280 penerima yang terdiri dari mangsa yang berpindah dan yang tidak berpindah. Bagi penerima yang berpindah ke pusat pemindahan, senarai penerima adalah berdasarkan kepada senarai yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Manakala bagi mangsa yang tidak berpindah ke pusat pemindahan, agihan adalah berdasarkan kepada senarai nama yang disediakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan disahkan oleh Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.

Dalam pengendalian bencana banjir pada musim ini, Kerajaan turut menerima sumbangan daripada negara luar serta badan-badan korporat untuk disampaikan kepada mangsa-mangsa bencana. Sumbangan yang diterima tidak terhad kepada bantuan kewangan malah bantuan barangan serta peralatan turut diterima bagi mengurangkan beban mangsa.

Sumbangan kewangan yang telah diterima setakat pengendalian banjir kali ini dianggarkan berjumlah RM17.2 juta yang antaranya terdiri dari sumbangan kewangan dari Kerajaan Brunei, Timor Leste dan Singapura. Selain itu juga, sumbangan-sumbangan barangan turut diterima daripada Kerajaan Jepun, Thailand, ASEAN, China yang antaranya berupa set janakuasa, beras, set kit keluarga dan sebagainya.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengurangkan impak bencana kepada kehidupan masyarakat. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) ini telah membelanjakan sejumlah hampir RM2 billion untuk pembinaan sejumlah 131 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Johor, Perak, Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Dengan terbinanya projek tebatan banjir ini, kawasan-kawasan yang dahulunya kerap dinaiki air kini risiko tersebut telah dapat diatasi seperti mana yang telah dilaksanakan di Kota Tinggi, Johor.

Selain itu juga, sistem amaran awal bencana juga akan terus ditambah baik selari dengan teknologi yang terkini yang setanding dengan pusat ramalan cuaca peringkat serantau dan antarabangsa. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah bekerjasama dengan agensi-agensi peringkat antarabangsa melalui platform organisasi meteorologi serantau dan antarabangsa seperti *ASEAN Specialized Meteorological Centre (ASMC)* dan *World Meteorological Organization (WMO)*. Rangkaian kerjasama ini adalah antara pengiktirafan terhadap keupayaan dan kepakaran Malaysia dalam bidang meteorologi dan klimatologi.

Sekian. Terima kasih.